

# 12,449 serbuan sehingga 5 September tahun ini

BERITA HARIAN 13/9/18 M/S 20

➔ 22,300 tangkapan dilakukan, rampas wang tunai RM4.67j

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Sebanyak 12,449 serbuan membabitkan 22,300 tangkapan berjaya dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha membanteras kegiatan judi tanpa lesen di seluruh negara, sepanjang tahun ini hingga 5 September lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata kadar serbuan dan tangkapan itu menunjukkan penurunan berbanding tempoh sama tahun lalu, susulan tindakan berterusan PDRM mengekang kegiatan berkenaan sehingga penganjur judi haram tidak beroperasi semula.

Beliau berkata, operasi pembanterasannya itu tertumpu pada

kegiatan perjudian dalam talian, mesin simulator, loteri awam tanpa lesen, judi catit taruh haram dan judi tempat bebas.

“Sepanjang tahun ini hingga 5 September lalu, sebanyak 12,449 serbuan dibuat membabitkan 3,297 berkaitan kegiatan mesin perjudian, loteri awam tanpa lesen (7,947) dan lain-lain kes aktiviti judi haram (1,205).

“Jumlah itu menurun berbanding tempoh sama tahun lalu, iaitu keseluruhan 12,628 serbuan membabitkan 6,032 berkaitan kegiatan mesin perjudian, loteri awam tanpa lesen (5,820) dan selebihnya aktiviti judi haram lain,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagaimanapun, katanya, jumlah keseluruhan rampasan wang tunai meningkat kepada RM4.67 juta berbanding RM3.73 juta tahun lalu kerana tumpuan kaki judi kini beralih kepada aktiviti judi loteri awam tanpa lesen.

“Rampasan wang tunai kegiatan loteri awam tanpa lesen meningkat lebih RM340,000 kepada RM1.47 juta berbanding RM1.13 juta tahun lalu.

“Namun, rampasan wang tunai kegiatan judi mesin dan simulator menurun kepada RM1.18 juta berbanding RM1.2



Mohamad Fuzi Harun

juta tahun sebelumnya.

“Wang tunai dirampas untuk lain-lain kegiatan judi haram meningkat daripada RM1.39 juta tahun lalu kepada RM2.01 juta,” katanya.

## Rampas mesin judi

Mohamad Fuzi berkata, rampasan mesin perjudian membabitkan komputer, mesin simulator, komputer tablet dan telefon mudah alih berjumlah 25,267 buah, menurun 40,198 berbanding 65,465 tahun lalu.

“Menurut kajian dijalankan, keberkesanan operasi dilancar PDRM menyebabkan sindiket perjudian tidak lagi beroperasi.

“Kajian turut mendapati enam kontinjen polis negeri, iaitu Johor, Selangor, Sarawak, Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang mencatat kadar serbuan

tertinggi berbanding yang lain.

“Justeru, kita menyasarkan operasi dengan memfokus enam kontinjen terbabit secara khusus,” katanya.

Beliau berkata, kontinjen Johor mendahului dengan 2,719 serbuan, diikuti Selangor (2,372), Sarawak (1,617), Negeri Sembilan (1,156), Kedah (945) dan Pulau Pinang (863).

Katanya, usaha PDRM mewujudkan bilik gerakan dan talian hotline khas untuk aduan awam berkaitan judi haram sejak 20 Julai lalu sebagai usaha lebih holistik, turut banyak memberi kesan.

“Inisiatif itu diterima positif oleh masyarakat. Melalui 716 maklumat berhubung judi haram diterima daripada awam, PDRM sudah menjalankan 414 serbuan, manakala 141 lagi sedang diproses untuk bukti lanjut. Bagaimanapun, sebanyak 161 aduan disahkan sebagai tidak berasas,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, dalam mengekang kegiatan judi haram secara keseluruhan dan berkesan, PDRM menggunakan pendekatan tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) bertujuan menangkap penganjur perjudian yang berselembunyi di sebaliknya.